

Keputusan gunakan ISA terhadap pengganas terbukti betul

LUM 30 SEP 2001

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Perdana Menteri berkata keputusan kerajaan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap pelampau telah terbukti betul apabila negara-negara lain mula mengambil tindakan yang sama ekoran serangan pengganas di Amerika Syarikat (AS).

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kerajaan telah menggunakan pelbagai cara sejak 42 tahun lalu untuk melawan gerila komunis dan kumpulan pengganas lain termasuk menggunakan ISA.

"Apabila kita menggunakan ISA untuk menghentikan kegiatan pengganas, kita telah dituduh sebagai tidak demokratik dan tidak adil.

"Tetapi sekarang mereka melakukan cara sama seperti yang telah kita lakukan. Mereka sebenarnya belajar daripada kita, jadi sudah tentu Malaysia adalah pusat untuk belajar bagaimana melawan pengganas," tegasnya.

Ditanya sama ada lebih banyak anggota militan akan ditangkap, Dr. Mahathir berkata, kerajaan sudah tentu akan membuat tangkapan lagi sekiranya dapat mengenal pasti anggota terbabit.

"Kita tidak akan membiarkan mereka yang mempunyai idea sedemikian bebas di negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-30 Parti Gerakan di sini, hari ini.

Mengenai dakwaan beberapa pihak

bahawa Malaysia adalah pusat kegiatan pengganas, Dr. Mahathir berkata, tuduhan itu tidak benar sama sekali.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan mengakui wujudnya kumpulan pengganas di negara ini seperti Al-Ma'unah dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Pada sidang akhbar yang sama, Perdana Menteri menggesa syarikat pembuat kapal terbang supaya membina pesawat penumpang 'kalis pengganas.

Munasabah

Menurut beliau, syarikat terbabit kini lebih mengambil berat mengenai penggunaan bahan kalis api dan tidak berminat membuat pesawat yang bebas daripada masalah-masalah yang boleh ditimbulkan oleh pengganas

"Amat malang, kerana mereka hanya berminat membuat pesawat yang boleh dijual sahaja. Walaupun cadangan itu mungkin tidak munasabah, tetapi ia sebenarnya boleh dilakukan," ujarnya.

Ditanya mengenai pengumuman kerajaan semalam tentang kemungkinan menempatkan marsyal udara di dalam pesawat Penerbangan Malaysia (MAS), Dr. Mahathir berkata, perkara itu sedang dikaji sama ada boleh dilakukan atau tidak.

"Pada masa ini kita tidak melihat

sebarang ancaman terhadap penumpang MAS, cuma ia dicadangkan sebagai langkah berhati-hati sama seperti langkah pembelian insurans yang dibuat oleh MAS sebelum ini," jelasnya.

Perdana Menteri menambah, langkah itu juga bertujuan meningkatkan keyakinan orang ramai yang kini takut menaiki kapal terbang berikutan kes rampasan pesawat penumpang di Amerika Syarikat (AS) pada 11 September lalu.

"Syarikat penerbangan AS telah mencatatkan penurunan jumlah penumpang sebanyak 35 peratus dan perkara sama dihadapi oleh syarikat penerbangan lain di seluruh dunia kerana penumpang tahu rampasan pesawat juga boleh berlaku di luar AS termasuk di Taiwan dan China," katanya.

Ditanya mengenai laporan dalam majalah *Far Eastern Economic Review* bahawa Malaysia tidak akan membina terowong kereta api ke Singapura, Dr. Mahathir mengakui terdapat spekulasi berhubung perkara itu.

"Kita sedang mengkaji perkara ini (pembinaan terowong) sama ada hendak membinanya atau tidak," jelasnya.

Pembinaan terowong terbabit adalah sebahagian daripada pakej pembinaan jambatan bar-u bagi menggantikan Tambak Johor yang dipersetujui oleh kerajaan Malaysia dan Singapura, baru-baru ini.